

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SENI ARCA SEKOLAH MENENGAH ATAS DAERAH SARATOK, SARAWAK

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012

**STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SENI ARCA SEKOLAH
MENENGAH ATAS DAERAH SARATOK, SARAWAK**

RAZALI BIN HJ. SULONG

**DISTERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN SENI) MOD B**

**FAKULTI SENI KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2012



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

25.07.2012

.....
RAZALI B. HJ. SULONG
M20092001205



DECLARATION

I hereby declare that the writing in this thesis is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.

25.07.2012

.....
RAZALI B. HJ. SULONG
M20092001205



PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, dengan rahmat dan keizinanNya, dapatlah saya menyempurnakan penulisan disertasi penyelidikan ini sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Kursus Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Seni). Kepada pencetus semangat, motivasi dan dedikasi iaitu isteri tersayang Rohani Bt. Hj. Bastani dan anak-anak yang dikasihi kakak, As, Ainur, Ika dan Sofea, terima kasih di atas segala pengorbanan dan kesabaran yang diberikan oleh kalian sepanjang pengajian ini. Demikian juga segala pengorbanan dan keprihatinan seluruh kaum keluarga di atas nama keluarga terdekat ayahanda Allahyarham Tuan Hj. Sulong B. Tinggal yang turut memberi impak besar kepada kejayaan penghasilan disertasi ini.

Ucapan terima kasih khas ditujukan kepada pensyarah penyelia selaku sifu serta idola utama, Prof. Madya Dr Abd. Halim bin Hussain kerana dengan bantuan, bimbingan, tunjuk ajar, pendapat dan masa yang beliau luangkan telah membolehkan terhasilnya penulisan penyelidikan ini. Segala didikan dan tunjuk ajar beliau telah mendedahkan serta banyak mematangkan paradigma penyelidikan dalam diri saya.

Terima kasih juga kepada pensyarah–pensyarah Fakulti Seni Komputeran dan Industri Kreatif seperti Prof. Dr. Zakaria Ali, Dr. Suhaimi Mohd. Nor dan En. Hassan Ghazali yang turut memberi teguran dan bimbingan terhadap pembinaan disertasi ini. Ucapan penghargaan yang istimewa kepada Prof. Madya Dr. Nasir atas bantuan dan sokongan yang sangat bermakna terhadap diri saya. Demikian juga ucapan terima kasih khasnya kepada pensyarah penilai penulisan proposal kajian sebelum ini iaitu Dr. Fauzi Saidon dan Dr. Tajul Shuhaizam di atas segala teguran dan bimbingan. Akhir kalam terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah memberi bantuan dan sokongan sepanjang tempoh penyelidikan ini.





Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Arca Peringkat Menengah Atas Di Daerah Saratok, Sarawak

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan strategi pengajaran dan pembelajaran seni arca oleh guru Pendidikan Seni Visual peringkat menengah atas iaitu Tingkatan 4 dan 5. Dalam kajian ini, empat buah sekolah menengah di Daerah Saratok, Sarawak dipilih. Kajian ini mengenalpasti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran strategi yang digunakan dalam mengajar arca. Turut dikaji dalam kajian ini ialah keselarasannya pengajaran dan pembelajaran dengan kehendak kurikulum pendidikan di Malaysia iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes kualitatif. Data yang diperoleh adalah melalui pemerhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran guru, temu bual terhadap guru dan analisis terhadap arca yang pelajar-pelajar hasilkan. Dengan berteraskan konsep dan prinsip strategi pengajaran dan pembelajaran serta rujukan teori dan model pengajaran dan pembelajaran, data dianalisis dengan menggunakan model analisis interatif Miles dan Huberman. Dapatan kajian menunjukkan beberapa kelemahan dan kepincangan yang berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran arca. Beberapa unsur penting elemen pedagogi tidak dipraktikkan sepenuhnya. Kesannya ialah situasi pembelajaran yang agak pasif dan penghasilan arca yang agak stereotaip. Namun begitu kelemahan dan kepincangan berkenaan bukanlah sesuatu yang amat menjejaskan. Melalui komitmen guru seni dengan beberapa saranan dan tindakan bagi memperbaiki kelemahan pastinya strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan akan dapat dicapai selaras dengan objektif dan matlamat seni arca khasnya serta kurikulum PSV di dalam KBSM amnya.





Teaching And Learning Strategies Of Sculptures At Upper Secondary Level In The District Of Saratok, Sarawak

Abstract

The purpose of this research was to explore the teaching and learning strategies of sculpture by Visual Art Education teachers at upper secondary level among the art teachers in secondary school level which were particularly among Form 4 and Form 5 in four secondary schools in Saratok District in Sarawak. This research is important to determine the effectiveness and coordination of strategies in line with the requirements of the Secondary School Integrated Curriculum in Malaysia. This research was based on qualitative research method. Data obtained through observation of the teaching and learning strategies, interview with teachers and the analysis of art work by students. Based on the concept and strategy principles of teaching and learning as well as the theories and models of teaching and learning, data were analyzed using the model of Miles and Hubermann interactive analysis. Findings reveal several weaknesses and short comings that occurred whereby few important pedagogical elements were not fully carried out. The impact creates a passive learning and the art work was quite stereotype. However, the weaknesses and short comings were not something that matter. Through the commitment of art teachers and some of the recommendations proposed in improving the weaknesses, an effective teaching and learning in accordance with the objectives and goals particularly in sculpture and PSV curriculum in Secondary School Integrated Curriculum in general will surely achieve.



ISI KANDUNGAN

HALAMAN

PENGAKUAN	i
DECLARATION	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
LAMPIRAN	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI GAMBAR	xv

BAB SATU : PENDAHULUAN

1.0	Pendahuluan	
1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.2	Kurikulum Pendidikan Seni Visual	3
1.3	Seni Arca	5
1.4	Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran	7
1.5	Masalah Kajian	10
1.6	Objektif Kajian	13
1.7	Persoalan Kajian	13
1.8	Kepentingan Kajian	14

1.9	Kerangka Konsep	15
1.10	Definisi Konsep	17
1.10.1	Konsep Strategi	17
1.10.2	Pengajaran	17
1.10.3	Pembelajaran	18
1.10.4	Karya Seni	18
1.10.5	Amalan	19
1.10.6	Impak	19
1.11	Fokus Kajian	19

BAB DUA : TINJAUAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	21
2.1	Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran	22
2.1.1	Strategi Pemusatan Guru	23
2.1.2	Strategi Pemusatan Murid	24
2.1.3	Strategi Berasaskan Sumber / Bahan	25
2.1.4	Strategi Berasaskan Tugas / Aktiviti	25
2.2	Pendekatan Pengajaran	26
2.2.1	Pendekatan Induktif	27
2.2.2	Prinsip Pendekatan Induktif	28
2.2.3	Langkah-Langkah Pendekatan Induktif	29
2.2.4	Pendekatan Deduktif	30
2.2.5	Prinsip Pendekatan Deduktif	32
2.2.6	Pendekatan Eklektif	33

2.3	Kaedah Dan Teknik Mengajar	33
2.3.1	Tunjuk Cara (Demonstrasi)	35
2.3.2	Perbincangan	37
2.3.3	Sumbangsaran	38
2.4	Teori Konstruktivisme	38
2.5	Model Discipline Base Art Education (DBAE)	40
2.6	Model The Artistic Process	47

BAB TIGA : METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	49
3.1	Reka Bentuk Kajian	49
3.2	Kaedah Penyelidikan	51
3.2.1	Data Pemerhatian	51
3.2.2	Data Analisis Karya Pelajar	52
3.2.3	Data Temu bual	53
3.2.4	Analisis Dokumen	54
3.2.5	Rakaman Video	54
3.2.6	Rakaman Foto / Visual	55
3.3	Kaedah Analisis	57
3.3.1	Analisa Data	57

BAB EMPAT : DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	58
4.1	Analisis Bentuk Karya Arca Pelajar	58
4.1.1	Idea	59
4.1.2	Proses Karya Arca Pelajar	82
4.1.3	Analisis Bahan Karya Arca Pelajar	93
4.2	Dapatan Pemerhatian SMK Kabong	99
4.3	Dapatan Pemerhatian SMK Kalaka Roban	111
4.4	Dapatan Pemerhatian SMK Saratok	122
4.5	Dapatan Pemerhatian SMK BM Saratok	137
4.6	Dapatan Temu Bual Pelajar	150

BAB LIMA : RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN KAJIAN

5.0	Pendahuluan	162
5.1	Perbincangan Bentuk Hasil Karya Arca Pelajar Menengah Atas Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Seni Arca Melalui Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual.	165
5.1.1	Saiz Bentuk Karya	166
5.1.2	Kecenderungan Idea	167
5.1.3	Kecenderungan Proses	170
5.1.4	Bahan	174
5.1.5	Kekemasan Karya	177
5.2	Perbincangan Strategi Pengajaran Dan Bagaimana	179

Ia Dilaksanakan Dalam Mengajar Seni Arca Di Sekolah

Menengah

5.3	Perbincangan Impak Pelaksanaan Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Seni Arca Dalam Kalangan Pelajar Menengah Atas (Tingkatan 4 dan 5) Di Daerah Saratok, Sarawak.	189
5.4	Kesimpulan	196
5.5	Cadangan Kajian	203
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	205
5.7	Kesimpulan Akhir	207

RUJUKAN	209
---------	-----

LAMPIRAN A	Surat Kebenaran Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
------------	--

LAMPIRAN B 1	Jadual 1: Kriteria Pemerhatian Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran.
--------------	--

LAMPIRAN B 2	Instrumen Pemerhatian Pengajaran Dan Pembelajaran Guru PSV.
--------------	---

LAMPIRAN C 1	Jadual 2: Kriteria Analisis Karya Arca Pelajar
--------------	--

LAMPIRAN C 2	Jadual 3 (a): Kriteria Analisis Idea Arca Pelajar
--------------	---

LAMPIRAN C 3	Jadual 3 (b): Kriteria Analisis Proses Karya Arca Pelajar
--------------	---

LAMPIRAN C 4	Jadual 3 (c): Kriteria Analisis Bahan Karya Arca Pelajar
--------------	--

LAMPIRAN D	Jadual 4 (a) & (b) : Dapatan Analisis Pemerhatian SMK Kabong (Guru A)
------------	---

LAMPIRAN E	Jadual 5 (a) & (b) : Dapatan Analisis Pemerhatian SMK Kalaka Roban (Guru B)
------------	---



- LAMPIRAN F Jadual 6 (a) & (b) : Dapatan Analisis Pemerhatian SMK
Saratok (Guru C)
- LAMPIRAN G Jadual 7 (a) & (b) : Dapatan Analisis Pemerhatian SMK
BM Saratok (Guru D)
- LAMPIRAN H Jadual 8 : Dapatan Temu Bual Pelajar





Senarai Rajah

Rajah	Tajuk	Muka Surat
Rajah 1.1 :	Agihan Mata Pelajaran Di Bawah KBSM	3
Rajah 1.2 :	Kerangka Teorikal Kajian	15
Rajah 2.1 :	Proses Pembelajaran Induktif	28
Rajah 2.2 :	Model Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran	
	Secara Pendekatan Induktif Mok Soon Sang (2011)	30
Rajah 2.3:	Proses Pengajaran Dan Pembelajaran	
	Melalui Pendekatan Deduktif	31
Rajah 2.4:	Prosedur Pendekatan Deduktif	32
Rajah 2.5:	Empat Disiplin Berasaskan Pendidikan Seni DBAE	41
Rajah 2.6 :	Model ‘The Artistic Process : Phases and Approaches’	
	Oleh Laura H. Chapman (1978)	47
Rajah 3.1:	Matrik Pengumpulan Data	56
Rajah 3.2:	Kaedah Analisis Data Mengikut Model Interaktif Miles	
	& Hubermen, 1992	55
Rajah 4. 1:	Matrik Analisis Idea Karya Arca Pelajar	60
Rajah 4.2:	Matrik Analisis Proses Karya Arca Pelajar	81
Rajah 4.3:	Matrik Analisis Bahan Karya Arca Pelajar	92
Rajah 4.4 :	Matrik Analisis Bahan Arca Berasaskan Sekolah	93





Rajah 5.1: Kerangka konsep Akhir Menggambarkan Visual

Keseluruhan Dapatan Kajian

159



Senarai Jadual

Jadual	Tajuk	Muka Surat
Jadual 1.2 :	Kajian Rintis Agihan Jumlah Kelas Dan Pelajar Tingkatan 4 & 5 Sekolah Menengah Di Daerah Saratok, Sarawak Yang Terlibat Dalam Penyelidikan.	20

Senarai Gambar

Gambar	Tajuk	Muka Surat
Gambar 4.1 :	Ikon “Kucing” Sebagai Idea Arca ‘Kesayangan’	61
Gambar 4.2:	‘Tokek’ Sebagai Ikon Arca ‘Kegilaan’	62
Gambar 4.3:	Buah Nanas Sebagai Ikon Arca ‘Nanas’	63
Gambar 4.4:	Buah Kelapa Sebagai Idea Arca ‘Kelapa Mawar’	64
Gambar 4.5:	Bentuk Abstrak Arca ‘Kekuatan’	65
Gambar 4.6:	Ikon Dalam Arca ‘Perjuangan’	66
Gambar 4.7:	Ikon Itik Sebagai Idea Arca ‘Gemilang’	67
Gambar 4.8:	Ikon Gelas Dalam Arca ‘Mabuk’	68
Gambar 4.9:	Ikon Bunga Engkabang Dalam Arca ‘Engkabang’	69
Gambar 4.10 :	Ikon Dalam Arca ‘Anting-Anting’	70
Gambar 4.11:	Ikon Pada Arca ‘Cinta Bersemi’	71
Gambar 4.12:	Ikon Dalam Arca ‘Teddy Bear’	72
Gambar 4.13:	Ikon Dalam Arca ‘Sinchan’	73
Gambar 4.14 :	Daun Memali Sebagai Idea Arca ‘Memali’	74
Gambar 4.15:	Imej Kuih ‘Kembang’ Sebagai Subjek Arca	75
Gambar 4.16:	Ikon Menara Kembar Petronas Dalam Arca ‘Kejayaan’	76
Gambar 4.17:	Ikon ‘Pucuk Rebung’ Pada Arca “PerjuanganKu”	77
Gambar 4.18:	Imej Pucuk Rebung Sebagai Ikon Arca “Cemerlang, Gemilang Dan Terbilang”	78
Gambar 4.19:	Ikon Rumah Dalam Arca ‘IdamanKu’	79
Gambar 4.20:	Ikon Dalam Arca ‘2020	80
Gambar 4.21:	Proses Menghasilkan Arca Kasayangan	82

Gambar 4.22 :	Bimbingan Rakan Sebaya	87
Gambar 4.23 :	Aktiviti Bersahaja Pelajar 9 Menghasilkan Arca	87
Gambar 4.24:	Bahan Plaster Sebagai Medium Utama	94
Gambar 4.25:	Bekas Tin Minuman Sebagai Alternatif Bahan	95
Gambar 4.26:	Partisipan Menunjukkan Lidi Pelepah Kelapa Sebagai Bahan Arca	95
Gambar 4.27:	Sabun Mandi Sebagai Medium Arca Luakan	96
Gambar 4.28 :	Papan ‘Mounting’ Sebagai Bahan Arca	97
Gambar 4.29:	Simen Plaster Sebagai Bahan Arca	98
Gambar 4.30:	Bahan Arca Disediakan Oleh Partisipan	99
Gambar 4.31 :	Guru A Melakukan Set Induksi	102
Gambar 4.32:	Tayangan “Power Point”	103
Gambar 4.33:	Menyampaikan Isi Kandungan Dengan Penuh Semangat	104
Gambar 4.34 :	Pelajar Memberi Fokus	105
Gambar 4.35:	Pelajar Bersoal Jawab Dengan Partisipan Di Depan Kelas	105
Gambar 4.36 :	Karya Arca Sebagai Alat Bantu Mengajar	106
Gambar 4.37:	Gambar Arca Sebagai Alat Bantu Mengajar	107
Gambar 4.38:	Partisipan Menjelaskan Perkara Penting Sebelum Amali Pelajar	107
Gambar 4.39:	Demonstrasi Partisipan	108
Gambar 4.40:	Pelajar Membuat Demonstrasi	109
Gambar 4.41:	Pelajar Melakukan Aktiviti	109
Gambar 4.42 :	Lima Karya Arca Pelajar SMK Kabong	110

Gambar 4.43 :	Partisipan Melakukan ‘Set Induksi’ Dengan Memegang Sebiji Tin Minuman Serta Menyoal Pelajar Secara Kelas Dan Individu	114
Gambar 4.44:	Partisipan Menerang Secara Kelas	115
Gambar 4.45:	Kaedah ‘Chalk and Talk’	115
Gambar 4.46 :	Seorang Pelajar Menjawab Soalan Partisipan	116
Gambar 4.47:	Demonstrasi Guru	117
Gambar 4.48:	Arca Mobail	117
Gambar 4.49:	Melakar Bahan Sabun	118
Gambar 4.50 :	Partisipan Menunjukkan Teknik Meluak Menggunakan Pisau NT	118
Gambar 4.51:	Pelajar Merujuk Buku Teks	119
Gambar 4.52 :	Partisipan Membantu Pelajar Mencari Idea Melalui Buku Rujukan	119
Gambar 4.53:	Pelajar Membuat Arca Secara Individu	120
Gambar 4.54:	Pelajar Berbincang Dengan Rakan Sebaya Tentang Idea Membina Arca Luakan	120
Gambar 4.55:	Partisipan Memberi Bimbingan Secara Individu	121
Gambar 4.56:	Pelajar Diberi Kebebasan Mengolah Arca	121
Gambar 4.57:	Partisipan Bersoal Jawab Dengan Pelajar Dalam Sesi Penutup	122
Gambar 4.58:	Guru Bersoal Jawab Dengan Pelajar Melalui Sesi Set Induksi	125
Gambar 4.59:	Partisipan Memberi Penerangan Secara Kelas	126
Gambar 4.60:	Partisipan Menunjukkan Teknik Dan Kaedah Memotong Papan ‘Mounting’	128

Gambar 4.61:	Demonstrasi Di Dalam Kumpulan Kecil	129
Gambar 4.62:	Para Pelajar Berbengkel	129
Gambar 4.63:	Partisipan Sibuk Memantau Aktiviti Pelajar	130
Gambar 4.64:	Partisipan Memberikan Bimbingan Secara Individu	131
Gambar 4.65:	Pelajar Membaca Nota Edaran	131
Gambar 4.66:	Partisipan Melakukan Refleksi Karya Arca Pelajar	134
Gambar 4.67:	Pelajar Menerangkan Idea Dan Makna Karya	135
Gambar 4.68:	Guru C Dan Pelajar 4F Bergambar Bersama Karya	135
Gambar 4.69:	Pelajar 4F Bangga Mempamerkan Karya	136
Gambar 4.70:	Partisipan Mengajukan Soalan Melalui Sesi Set Induksi	139
Gambar 4.71 :	Partisipan Memberi Penerangan Tentang Maksud Arca	140
Gambar 4.72 :	Tayangan Slide Membantu Partisipan Menjelaskan Seni Arca Kepada Pelajar.	142
Gambar 4.73:	Pelajar Mendengar Penerangan Guru Dengan Penuh Minat	142
Gambar 4.74 :	Partisipan Memberi Penerangan Tentang Bahan “Plaster Of Paris”.	143
Gambar 4.75 :	Bilik Seni SMK BM Saratok	144
Gambar 4.76:	Partisipan Menunjukkan Contoh Model Arca Luakan Dan Demonstrasi Membuat Arca Luakan	144
Gambar 4.77:	Partisipan Membuat Demonstrasi Secara Kumpulan Dan Individu	145
Gambar 4.78 :	Pelajar Meluakkan Simen POP Bagi Menghasilkan Arca Luakan	146



Gambar 4.79: Pelajar Membuat Arca Luakan	
Berpandukan Lakaran Idea	147
Gambar 4.80: Partisipan Memantau Aktiviti Pelajar	147
Gambar 4.81: Partisipan Melakukan Refleksi Karya Pelajar	148
Gambar 4.82: Seorang Pelajar Perempuan Menjelaskan	
Kefahaman Tentang Karyanya.	149
Gambar 4.83: Seorang Lagi Pelajar Perempuan	
Menceritakan Mesej Binaan Arca Luakannya.	149
Gambar 4.84: Seorang Pelajar Lelaki Turut Berminat Menceritakan	
Idea Binaan Arca Luakannya.	150





BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan



Di dalam Bab Satu penulisan kajian penyelidikan ini akan menjelaskan beberapa aspek penting penyelidikan seperti latar belakang kajian, masalah kajian, objektif kajian, persoalan dan kepentingan kajian, kerangka konsep serta definisi konsep. Sejalan dengan objektif utama penyelidikan yang menjurus kepada strategi pengajaran dan pembelajaran seni arca, maka aspek kurikulum Pendidikan Seni visual di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah dan konsep pedagogi turut diperjelaskan di dalam bab awal ini.





1.1 Latar Belakang Kajian

Seni arca melalui mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di peringkat sekolah menengah atas di Malaysia tertakluk di bawah pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah atau yang lebih dikenali dengan nama KBSM. Ianya adalah kurikulum yang digubal bagi menggantikan kurikulum sekolah menengah yang lama (KLSM).

Di bawah konteks pendidikan Malaysia, kurikulum merupakan suatu rancangan yang meliputi segala ilmu pengetahuan serta kemahiran, nilai-nilai dan norma, unsur kebudayaan dan kepercayaan masyarakat Malaysia. Peranan kurikulum pendidikan di Malaysia adalah bagi mengembangkan potensi pelajar-pelajar dari segi intelek, jasmani, rohani, dan sosial dengan seimbang dan menyeluruh, membina sifat-sifat yang membawa ke arah perpaduan negara serta menghasilkan tenaga rakyat yang mahir dan terlatih untuk keperluan negara.

Semua sekolah yang terdapat dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan adalah wajib menggunakan Kurikulum Kebangsaan tersebut. Kurikulum Kebangsaan meliputi mata pelajaran yang dapat menentukan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dijangka akan diperoleh oleh murid-murid selepas menamatkan persekolahan.

Antara prinsip di dalam KBSM ialah semua pelajar berpeluang memilih mata pelajaran elektif selepas Tingkatan Tiga iaitu peringkat Menengah Atas di samping mempelajari mata pelajaran teras. Mata pelajaran disusun ke dalam dua kelompok, iaitu mata pelajaran teras dan mata pelajaran elektif (Rujuk Rajah 1.1). Mata pelajaran dalam komponen teras wajib diambil oleh semua murid sementara mata pelajaran komponen elektif merupakan mata pelajaran pilihan mengikut minat pelajar masing-masing. Mata pelajaran teras ialah untuk memenuhi keperluan pendidikan yang



bercorak umum. Bagi memenuhi keperluan latihan dan tenaga rakyat, mata pelajaran elektif disediakan supaya dapat dipilih oleh pelajar mengikut minat dan keperluan kerjayanya.

Komponen teras	Komponen elektif	
Bahasa Malaysia	Kumpulan I	Kumpulan II
Bahasa Inggeris	Bahasa Cina	Biologi
Matematik	Bahasa Tamil	Kimia
Pendidikan Islam/Pendidikan Moral	Sastera Melayu	Fizik
Sejarah	*PENDIDIKAN SENI	Perakaunan dan Perdagangan
Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	Geografi	Seni Pertanian
Sains Am	Sivik / Kewarganegaraan	

Rajah 1.1: Agihan Mata Pelajaran Di Bawah KBSM

1.2 Kurikulum Pendidikan Seni Visual

Merujuk Rajah 1.1 di atas mata pelajaran Pendidikan Seni adalah satu mata pelajaran elektif dalam KBSM. Mata pelajaran ini bertujuan membentuk keperibadian generasi Malaysia yang celik budaya kesenian. Aktiviti-aktiviti seni dijalankan dalam konteks seni lukis dan kraf yang berasaskan seni dalam persekitaran, seni tempatan dan kebangsaan. Matlamatnya bagi melahirkan individu yang berbudaya, iaitu yang mengamalkan pertimbangan kesenian dan kesempurnaan dalam urusan hidupnya serta mengenali dan menghargai sumbangan seni kepada warisan budaya dan identiti bangsa. Di samping itu ia juga memberi peluang kepada pelajar untuk memenuhi



bakat, minat dan kecenderungan masing-masing. PSV menegaskan aktiviti-aktiviti gubahan dan kajian pengamatan melalui proses inkuiri. Aspek mencuba dan merekacipta dijadikan teras untuk pelbagai aktiviti seni dan kraf. Melalui proses penghasilan dan analisis seni ini, diharap dapat memberi pelajar peluang membuat sintesis pengalaman untuk menjadikannya yakin berhubung melalui seni.

Subjek Pendidikan Seni pada awalnya diperkenalkan dengan nama Kerjatangan. Kemudian ia berubah dengan nama mata pelajaran Lukisan dan Seni Lukis. Bidang ini terus berkembang dan bertukar lagi, dikenali dengan nama Pendidikan Seni. Pada tahun 2000 ia diubah kepada Pendidikan Seni Tampak dan kini ia lebih dikenali sebagai Pendidikan Seni Visual (PSV) agar peranannya lebih berfokus dan terarah di dalam pelaksanaan KBSM. Manakala di peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia calon biasanya akan mendaftar tiga kertas iaitu



(1) Teori Seni (2611/1), (2) Menggambar (2611/2) dan (3) Kajian Rekaan Seni Visual atau KRSV(2611/3). KRSV ialah sebahagian daripada instrumen pentaksiran bagi mata pelajaran PSV KBSM (SPM). Calon perlu menyempurnakan tugas yang diberi dalam tempoh yang ditetapkan. Calon dikehendaki menghasilkan kajian folio ke arah penghasilan produk dan menghasilkan produk akhir sebagai artifak. Antara objektif KRSV ialah (1) mengembangkan bakat dan potensi pelajar dalam menghasilkan folio secara berproses dan diakhirnya mampu menghasilkan artifak atau karya seni, (2) mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran tentang penghasilan sesuatu produk dalam industri dan reka cipta yang boleh dijadikan asas pembentukan kerjaya, (3) meningkatkan kefahaman terhadap ciri-ciri keistimewaan kraf berhubung alat dan bahan, motif dan corak serta proses penghasilannya dalam konteks perkembangan budaya kebangsaan, (4) menyemai sikap bertanggungjawab terhadap





perkara-perkara yang menjadi sumber inspirasi serta menghargai keindahan ciptaan Tuhan.

PSV menjurus kepada seni tampak dan “tidak” merujuk kepada seni lain seperti muzik, seni sastera, seni tari dan seni mempertahankan diri. Secara umumnya PSV sekolah menengah atas lebih menegaskan kegiatan dalam proses penghasilan dengan melibatkan aspek pemahaman, penghayatan dan kritikan. Proses ini menyentuh perasaan estetik dan daya kreativiti individu melalui penajaman daya intuisi, persepsi, imaginasi dan konsepsi murid. Dengan ini murid diharapkan dapat mengamalkan pertimbangan seni visual, meningkatkan lagi kepekaan seterusnya boleh menjadi insan atau pengkarya yang rasional.



Seni arca merupakan salah satu daripada tajuk di dalam Seni Halus yang perlu didedahkan kepada pelajar mengikut Sukatan Pelajaran PSV KBSM (KPM, 2003). Melalui skop pembelajaran seni arca peringkat menengah atas (Tingkatan 4 dan 5), pelajar diharapkan dapat mengetahui sejarah dan perkembangan arca pada Zaman Tamadun Greek dan sejarah tempatan. Pelajar juga didedahkan dengan tokoh-tokoh pengarca agung dan tokoh tempatan serta hasil karya mereka. Seterusnya amat penting pelajar mengetahui jenis arca dan fungsi di samping memahami teknik serta proses penghasilan arca. Hal ini selaras dengan beberapa objektif PSV KBSM.

Seni arca merupakan salah satu tajuk di dalam komponen Seni Halus yang mengharapkan pelajar di akhir proses pengajaran dan pembelajaran memahami proses pengkaryaan, gubahan dan fungsi seni visual serta mampu berkomunikasi dalam





karya seni arca yang dihasilkan. Bermula dengan pengwujudan sumber idea, pelajar mengolah idea bagi menggarap suatu tema yang mengandungi mesej atau makna.

Terdapat tiga aras tahap pencapaian yang menjadi matlamat hasil pembelajaran di dalam tajuk seni arca. Pada aras satu pelajar diharapkan boleh mengaplikasikan Asas Seni Reka di dalam penghasilan seni arca. Dengan kefahaman tentang asas-asas seni reka dan prinsip rekaan pelajar akan menghasilkan karya seni secara kritis dan kreatif. Seterusnya pelajar disarankan boleh menginterpretasi maklumat yang akan digunakan dalam penghasilan karya.

Pada aras dua pula peringkat yang menghendaki kebolehan pelajar berkomunikasi melalui aktiviti seni yang dihasilkan. Pelajar juga dibimbing bagi merancang aktiviti penghasilan karya secara sistematik dan terancang di samping kebolehan membanding bezakan jenis komunikasi visual.

Pada aras ketiga pelajar boleh menyatakan keindahan, keharmonian alam dan masyarakat serta berusaha memeliharanya melalui pernyataan karya yang dihasilkan. Pelajar juga dididik agar menyedari kegiatan dan hasil visual yang mencerminkan nilai masyarakat. Selaras dengan kepesatan perkembangan sains dan teknologi pelajar dididik dan dibimbing menggunakan perisian komputer termasuklah dalam aspek pembelajaran seni arca. Akhir sekali pada aras pembelajaran ketiga ini pelajar diharapkan memahami cara membuat kemasan karya arca untuk sesuatu persembahan atau pameran.

Adalah diharapkan impak pengajaran dan pembelajaran seni arca pelajar dapat mengamalkan konsep atau asas seni visual, meningkatkan lagi kepekaan, menjadi pengkarya yang rasional dan mampu mengendalikan kehidupan dengan nilai yang baik.





Melalui kehendak-kehendak kurikulum Pendidikan Seni Visual dan KBSM yang dibahaskan melalui latar belakang kajian ini jelas menunjukkan bahawa seni arca sama pentingnya dengan mata pelajaran yang lain di dalam KBSM dalam melahirkan individu yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani di samping bersifat kreatif, inovatif, berimagination, berpengetahuan, berketerampilan serta jati diri, menguasai teknologi dalam menghasilkan cita rasa dalam penciptaan. Seni arca dalam kontek KBSM juga mampu mendidik dan menyemai perasaan menghormati budaya suku kaum dan adat istiadat pelbagai etnik di negara kita.

Harapan dan matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia terhadap keberkesanan pengajaran Pendidikan Seni Visual adalah amat tinggi. Justeru itu melalui Pusat Perkembangan Kurikulum, pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran yang telah



1.4 Strategi Pengajaran-Pembelajaran

Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual yang disemak semula oleh Bahagian Kurikulum Pelajaran Malaysia (2003), menjelaskan pengenalan strategi pengajaran dan pembelajaran seperti Teori Kecerdasan Pelbagai, Kajian Masa Depan, Pembelajaran Kontekstual, Konstruktivisme, Akses Kendiri, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif, Belajar Cara Belajar dan Pembelajaran Masteri adalah selaras dengan visi dan misi Pendidikan yang berhasrat untuk menyempurnakan Fasad Pendidikan Kebangsaan. Strategi-strategi





ini merupakan strategi pengajaran-pembelajaran secara umum dan turut digunakan bagi mengajar lain-lain matapelajaran di dalam KBSM.

Strategi pengajaran-pembelajaran merupakan salah satu bidang kajian *pedagogi* iaitu bidang ilmu *mengajar* yang sangat penting di samping aspek-aspek lain yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Antaranya aspek organisasi sekolah dan pengurusan bilik darjah, kurikulum dan sukatan pelajaran, pengujian dan penilaian, pemulihan dan pengayaan dan sebagainya.

Menurut Mok Soon Sang (2011), dalam kurikulum perguruan, *pedagogi* merupakan suatu bidang Ilmu Pendidikan yang terpenting untuk dikaji dan dipelajari oleh guru-guru pelatih yang mengikuti kursus *Ilmu Pendidikan* di universiti pendidikan dan institut perguruan. Tambahnya lagi penguasaan kemahiran mengajar merupakan syarat mutlak untuk membantu guru menjalankan tugasnya dengan berkesan serta kecekapan secara profesional.

Apabila seseorang guru itu mengajar, setelah ditentukan topik dan pengetahuan serta kemahiran yang akan diajar, langkah seterusnya yang perlu difikirkan ialah penentuan pendekatan dan kaedah penyampaian. Bagaimanakah pengajaran dapat dilaksanakan supaya pelajar mudah dan cepat memahaminya? Bagaimanakah sesuatu pengajaran harus dijalankan supaya dapat melibatkan pelajar secara aktif dalam pembelajaran? Apakah bahan bantu mengajar yang sesuai digunakan? Adakah wajar menggunakan pendekatan yang memerlukan pelajar berdikari mencari maklumat dan membina kefahaman sendiri dengan bimbingan minimum daripada guru? Persoalan-persoalan seperti yang dinyatakan ini perlu dijawab oleh guru dalam melaksanakan pengajarannya. Justeru itu menurut Esah Sulaiman (2004), untuk menyampaikan pengajaran dengan berkesan perlulah difikirkan pendekatan dan strategi yang sesuai supaya pengajaran dapat dilaksanakan





dengan berkesan. Pemilihan dan perancangan guru dalam menentukan pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti dalam sesuatu pengajaran untuk mencapai objektif inilah yang dikatakan strategi pengajaran.

Pendekatan pula merupakan elemen penting di dalam strategi pengajaran dan pembelajaran. Dengan perkataan lain, strategi pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada teknik perancangan kaedah serta teknik mengajar berdasarkan sesuatu pendekatan untuk tujuan mencapai objektif pelajaran dengan berkesan (Mok Soon Sang, 2011).

Menurut Ali dan Faizunisa A. (1990) dalam *Teaching Muslim Children: An Educators Perspective* menyatakan bahawa kecemerlangan pendidikan tidak bergantung sepenuhnya kepada kurikulum dan perlaksanaannya, tetapi lebih kepada pendekatan yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini bermakna pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran dapat menentukan kualiti pelajar yang dibimbingnya.

Pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran telah diperkenalkan dan diaplikasi termasuk dalam pengajaran dan pembelajaran seni arca. Namun begitu menurut Kamarudin (2006), kajian-kajian pendidikan sentiasa menunjukkan bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam sistem pendidikan di negara ini yang menyentuh prestasi pelajar dan kelemahan guru. Sistem pendidikan di negara ini lebih menjurus kepada pembangunan luaran dan kurang membina aspek kemahiran guru khususnya Pendidikan Seni Visual. Kesannya terhadap pelajar mata pelajaran PSV dianggap tidak penting, tidak memberi faedah, membosankan dan tiada peperiksaan, tidak perlu belajar (Sajap, 2007). Begitu juga kajian Kasran (2004) dan Rosli (2004), mendapati guru adalah punca menyebabkan pelajar tidak berminat terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.





Analogi perkembangan kurikulum kebangsaan dan pernyataan objektif dan matlamatnya dalam latar belakang kajian ini jelas menunjukkan peranan seni arca melalui mata pelajaran PSV sangat penting dan bermakna sekiranya ianya di ajar mengikut prinsip dan kaedah pedagogi yang sewajarnya. Objektif pelajaran tidak dapat dicapai hanya melalui prinsip dan teori pengajaran pembelajaran yang tetap dan tidak berubah. Sebaliknya menurut Baharom Mohammad dan Iiyas Hasyim (2010), objektif ini dapat dicapai melalui guru yang bijak menggunakan bakat dan kecekapannya bagi merancang dan menyampaikan pengajaran. Dengan pertimbangan-pertimbangan ini maka pengkaji meneroka dan menganalisis strategi pengajaran dan pembelajaran guru PSV semasa mengajar seni arca di empat buah sekolah peringkat menengah atas (Tingkatan 4) di daerah Kalaka, Sarawak.



1.5 Masalah Kajian

Seni arca melalui Pendidikan Seni Visual dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) khasnya di peringkat menengah atas (Tingkatan 4 dan 5) diwacanakan berperanan mewujudkan masyarakat yang seimbang, mempunyai daya perubahan yang tinggi, memandang jauh ke hadapan, inovatif serta menjadi penyumbang kepada seni dan budaya pada masa hadapan. Sementara pembelajaran arca dalam Pendidikan Seni Visual juga seperti mata pelajaran sains tulen yang memerlukan pelajar melalui dan memahami suatu *proses* dalam penghasilan, gubahan dan berkomunikasi dalam aspek yang berkaitan idea, mesej, falsafah, unsur seni, media dan teknik penghasilan secara sistematik dan sistemik. Untuk merealisasikan hasrat ini, kita memerlukan guru-guru Pendidikan Seni Visual yang mempunyai





kemahiran mengajar yang mantap dan efisien. Memang tidak dapat dinafikan bahawa memang terdapat guru-guru yang mempunyai strategi atau kemahiran mengajar secara semula jadi. Hal ini bertepatan dengan pandangan Sue Cowley (2009) yang menyatakan sememangnya sebilangan besar para guru mempunyai kemahiran atau kebijaksanaan dalam mendidik pelajar. Walaupun tidak mempunyai latihan perguruan, tetapi mereka boleh mengajar secara berkesan.

Sepintas lalu pula, umum berpandangan tugas mengajar dianggap senang, tidak membebankan dan seolah-olah sesiapa sahaja boleh mengajar. Pada hakikatnya, kemahiran mengajar atau strategi mengajar perlu dikuasai oleh setiap guru. Kemahiran ini diperoleh dengan cara mempelajarinya secara sistematik. Untuk menyampaikan sesuatu ilmu perlu ada strategi menyampaikannya supaya kandungan ilmu itu mudah difahami dan menggalakkan perkembangan serta penemuan ilmu yang baru seterusnya memperoleh impak yang dikehendaki.

Walaubagaimanapun gagasan, penyediaan garis panduan, cadangan teori dan model serta aktiviti pembelajaran di dalam huraian sukatan pelajaran yang telah disediakan oleh pihak kementerian pendidikan, tahap sumbangan serta peranan PSV melalui arca dalam konteks menyahut matlamat dalam KBSM, hanya akan menjadi ilusi dan impian sahaja sekiranya aspek pengajaran arca oleh guru-guru PSV tidak dilaksanakan secara yang sewajarnya. Banyak kajian dijalankan oleh pengkaji terdahulu seperti Sajap (2007), Arifah (2009), Rosli (2009) dan Kasran (2009) menekan faktor guru adalah penting dalam memberikan pengetahuan secara teori dan amali kepada pelajar. Matlamat Rancangan Malaysia Kesepuluh (JPM, 2010) menetapkan prestasi pelajar akan hanya boleh ditingkatkan dengan meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Proses pengajaran sebenarnya lebih kompleks daripada yang disedari. Ia merangkumi pelbagai perkara





dan fungsi yang saling berkaitan dan bertindak serentak dalam usaha mencapai kejayaan. Sekiranya beberapa fungsi itu terputus atau tersasar, maka kejayaan yang diharapkan dalam pengajaran dan pembelajaran turut terjejas. Pengajaran yang menarik dan berkesan ialah pengajaran yang dapat mencapai objektif dan matlamat yang telah ditetapkan.

Melalui Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual KBSM Kementerian Pendidikan Malaysia jelas menyenaraikan tiga aras tahap pencapaian matlamat hasil pembelajaran seni arca. Di akhir proses pengajaran dan pembelajaran pelajar diharapkan boleh memahami proses pengkaryaan, gubahan dan fungsi seni visual serta mampu berkomunikasi dalam karya seni arca yang dihasilkan. Bermula dengan pengwujudan sumber idea bagi menggarap suatu tema yang mengandungi mesej atau makna. Justeru guru seharusnya bijak memilih strategi pengajaran dan pembelajaran yang dapat memenuhi aras-aras tahap pencapaian yang menjadi matlamat mata pelajaran Pendidikan Seni Visual secara khususnya. Kerelevanan strategi pengajaran dan pembelajaran guru PSV semasa mengajar seni arca dengan mengambil kira dan menghubungkan amalan budaya pelajar pastinya memenuhi hasrat KPM. Justeru itu masalah utama kajian atau penyelidikan ini ialah ketidakakuran dan kegagalan para guru opsyen Pendidikan Seni Visual khasnya yang mengajar seni arca dalam menyesuaikan dan mengaplikasikan strategi pengajaran dan pembelajaran yang sejajar dengan aras-aras pencapaian seni arca di dalam huraian sukatan pelajaran. Ketidakakuran dan kegagalan mengaplikasikan strategi pengajaran yang sewajarnya tentunya menimbulkan kesan negatif kepada pelajar sekaligus menggagalkan pencapaian matlamat dan objektif mata pelajaran PSV dan KBSM secara keseluruhannya.





1.6 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan di atas objektif kajian adalah seperti berikut:

- 1.6.1 Mengenal pasti bentuk hasil karya arca pelajar menengah atas (Tingkatan 4 dan 5) daerah Saratok di negeri Sarawak.
- 1.6.2 Mengenal pasti strategi pengajaran dan pembelajaran guru-guru PSV menengah atas (Tingkatan 4 dan 5) mengajar seni arca dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.
- 1.6.3 Mengenal pasti impak perlaksanaan strategi pengajaran dan pembelajaran seni arca dalam kalangan pelajar menengah atas (Tingkatan 4 dan 5) daerah Saratok, Sarawak.



1.7 Persoalan Kajian

Persoalan umum kajian ini ialah: Kesesuaian strategi pengajaran dan pembelajaran seni arca yang dilaksanakan oleh guru matapelajaran pendidikan seni visual peringkat menengah atas (Tingkatan 4 dan 5) dengan objektif dan matlamat PSV dan KBSM?

Beberapa persoalan kecil yang perlu dijawab adalah seperti berikut:

- 1.7.1 Bagaimanakah bentuk hasil karya arca pelajar menengah atas (Tingkatan 4 dan 5) daerah Saratok, Sarawak?
- 1.7.2 Apakah strategi pengajaran dan bagaimana ianya dilaksanakan dalam mengajar arca di sekolah menengah atas (Tingkatan 4 dan 5) di daerah Saratok, Sarawak?





1.7.3 Apakah impak pelaksanaan strategi pengajaran dan pembelajaran seni arca dalam kalangan pelajar menengah atas (Tingkatan 4 dan 5) di Daerah Saratok, Sarawak?

1.8 Kepentingan Kajian

Melalui kajian ini terdapat beberapa tuntutan yang harus difokuskan agar kajian ini akan benar-benar memberi manfaat di dalam konteks kepentingannya kepada Pendidikan Seni terutamanya warga pendidik dan memberi impak kepada generasi pelajar khususnya dalam mencapai objektif dan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia. Kepentingan kajian yang utama adalah terarah mengenal pasti samada penyampaian pengajaran guru sesuai dengan strategi pengajaran dan pembelajaran yang selaras dengan objektif Pendidikan Seni Visual dan KBSM. Amalan kaedah dan teknik pengajaran guru yang pelbagai tentunya mencetuskan iklim persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang berbeza samada berlaku keselarasan atau mencapai objektif Pendidikan Seni Visual dan KBSM.

Kajian bertujuan menganalisis strategi pengajaran guru PSV dalam mengajar seni arca yang mana dapatan kajian yang diperolehi dengan cadangan penambahbaikan akan dapat membantu guru dalam membina strategi pengajaran dan pembelajaran seni arca khususnya yang lebih mantap, efisien, penuh kreativiti di samping menyeronokkan sebagai usaha menarik minat dan populariti seni arca seterusnya meningkatkan tahap pencapaian dalam kalangan pelajar.

Sejajar dengan itu kajian ini secara tidak langsung menjelaskan kepada tenaga pengajar Pendidikan Seni Visual kepentingan kefahaman dan penguasaan ilmu




pedagogi khasnya kemahiran mengajar di dalam memantapkan strategi pengajaran dan pembelajaran seni arca di samping dapatan kajian ini dapat memberi gambaran sebenar kepada guru Pendidikan Seni Visual tentang bentuk dan makna karya arca yang dihasilkan oleh pelajar menengah atas (Tingkatan 4 dan 5).

Akhir sekali sejajar dengan objektif kajian ini dijalankan peranan yang paling besar yang dapat diperolehi melalui dapatan kajian ini diharapkan boleh membantu guru-guru mata pelajaran Pendidikan Seni Visual peringkat menengah atas khasnya dalam memberi kefahaman kepada pelajar kepentingannya pembelajaran seni arca di dalam usaha melahirkan individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.

1.9

Kerangka Konsep



Rajah 1.2: Kerangka Teoritikal Kajian



Kerangka teoritikal atau kerangka konsep di dalam kajian ini berteraskan konsep-konsep strategi pengajaran dan pembelajaran yang dikemukakan pakar ilmu pedagogi. Dengan memilih beberapa konsep dan modul strategi pengajaran dan pembelajaran pengkaji meneroka amalan dan strategi pengajaran dan pembelajaran arca oleh guru Pendidikan Seni Visual di empat buah sekolah menengah atas (Tingkatan 4 dan 5) di daerah Saratok Sarawak. Melalui kajian penerokaan amalan dan strategi pengajaran dan pembelajaran tiga elemen utama yang berkaitan dengan strategi pengajaran dan pembelajaran yang menjadi fokus kajian iaitu reka bentuk karya arca pelajar, aktiviti pengajaran dan pembelajaran guru seterusnya impak atau nilai yang diperolehi oleh pelajar menengah atas berasaskan matlamat mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.

Strategi pengajaran dan pembelajaran merangkumi pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara terancang. Strategi pengajaran dan pembelajaran adalah elemen yang sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kebijaksanaan guru memilih strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan akan membawa kejayaan perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran seni arca di sekolah. Dalam hal ini menurut Esah Sulaiman (2004), guru perlu menguasai prinsip dan kaedah pengajaran supaya pengajaran dapat dilaksanakan dengan baik dan memudahkan pelajar memahami perkara yang disampaikan.





1.10 Definisi Konsep

Beberapa konsep yang digunakan di dalam kajian ini diperjelaskan menurut pandangan atau tokoh ilmuan bidang pedagogi.

1.10.1 Konsep Strategi

Menurut Kamarudin dan Siti Hajar (2011), dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, perkataan strategi boleh juga diertikan sebagai satu aktiviti pengurusan atau kaedah yang digunakan untuk mencapai sesuatu matlamat.



1.10.2 Pengajaran

Menurut Shahabuddin Hashim dan Rohizani Yaakub (2004), pengajaran ialah proses yang merangkumi aktiviti-aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas yang mana melibatkan antara guru dan pelajar. Berdasarkan definisi-definisi pakar pedagogi, pada keseluruhannya, pengajaran boleh dijelaskan sebagai proses menyampaikan maklumat, menyediakan peluang dan memberi pengalaman serta memupuk nilai yang boleh mendatangkan perubahan daripada segi tingkah laku dan meningkatkan kebolehan kognitif pelajar. Ringkasnya, pengajaran dilihat daripada sudut guru sebagai usaha yang dilakukan untuk menyampaikan maklumat atau melaksanakan aktiviti untuk pelajar mempelajari sesuatu.





1.10.3 Pembelajaran

Menurut ahli kognitif, pembelajaran ditakrifkan sebagai proses dalaman yang menghasilkan perubahan tingkah laku yang agak kekal, manakala aliran behaviorisme berpendapat pembelajaran ialah perubahan dalam tingkah laku iaitu cara bertindak dalam situasi. Dalam psikologi humanisme pembelajaran dianggap proses yang dapat membantu mencapai sempurna sendiri dan nilai individu. Secara amnya pembelajaran ialah proses mengakumulasi maklumat dan pengalaman secara berterusan serta melibatkan perubahan tingkah laku. Ia berlaku dalam diri kita sejak kita dilahirkan. Proses pembelajaran melibatkan perlaksanaan strategi supaya pelajar dapat mencapai matlamat dan perubahan tingkah laku serta memperoleh kebiasaan, pengetahuan dan sikap yang positif.



1.10.4 Karya Seni

Menurut Nathan Knobler di dalam Zakaria Ali (1985) “*karya seni*” termasuklah hasil daripada bidang aktiviti manusia yang luas, daripada penggunaan kata yang diucap dan ditulis hinggalah ke penggunaan tubuh semasa bergerak. Ia termasuk juga objek yang paling kecil yang dibuat dengan kemahiran yang halus dan binaan yang besar-besar.





1.10.5 Amalan

Menurut Kamus Dewan terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka (1997), amalan adalah sesuatu yang dilakukan, dikerjakan dan sebagainya sebagai suatu kebiasaan

1.10.6 Impak

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), impak ialah kesan yang ketara. Dalam kajian ini impak atau kesan yang ketara perlaksanaan strategi pengajaran dan pembelajaran seni arca dalam kalangan pelajar menengah atas (Tingkatan 4 dan 5) di Daerah Saratok, Sarawak.



1.11 Fokus Kajian

Kajian ini pada umumnya dijalankan di empat buah sekolah yang terletak di Daerah Saratok, Bahagian Betong, Sarawak. Keempat-empat buah sekolah berkenaan menawarkan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual kepada pelajar sebagai mata pelajaran elektif bagi pelajar-pelajar aliran sastera sejak Tingkatan Empat. Pelajar aliran Sains yang berminat turut mengambil mata pelajaran PSV di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ia melibatkan 4 buah kelas daripada 3 buah sekolah peringkat menengah atas Tingkatan 4 dan sebuah kelas Tingkatan 5. Pengkaji telah mengambil beberapa orang pelajar sebagai informer bagi menjawab persoalan kajian. Pemilihan pelajar sebagai informer atau partisipan kajian akan dirujuk kepada guru-





guru PSV sekolah berkenaan. Seramai 3 orang guru PSV yang telah dikenal pasti mengajar Tingkatan 4 dan seorang guru di Tingkatan 5 sekolah yang dikaji.

Bagi tujuan kajian ini penyelidik telah berbincang dengan pihak pentadbir sekolah iaitu Pengetua atau Penolong Kanan Pentadbiran, Guru Panitia PSV dan guru mata pelajaran PSV sekolah-sekolah berkenaan bagi mengelolakan proses pengajaran dan pembelajaran yang bakal dijalankan.

Jadual 1.2

Kajian Rintis Agihan Jumlah Kelas dan Pelajar Tingkatan 4 & 5 Sekolah Menengah di Daerah Saratok, Sarawak yang Terlibat Dalam Penyelidikan

BIL	SEKOLAH TERLIBAT	JUMLAH KELAS	JUMLAH PELAJAR	JUMLAH GURU
1.	SMK Kabong (Ting. 5 D)	1 buah	36 orang	1 orang
2.	SMK Kalaka (Ting. 4 Sastera)	1 buah	32 orang	1 orang
3.	SMK Saratok (Ting. 4 F)	1 buah	31 orang	1 orang
4.	SMK (BM) Saratok (Ting. 4 H)	1 buah	33 orang	1 orang
	Jumlah =	1 buah	132 orang	4 orang

